

**Unjuran pertumbuhan negara diragui**  
**Malaysiakini.com**  
**September 24, 2010**

Adakah ia sepatutnya pertumbuhan 6 peratus untuk 10 tahun akan datang atau adakah ia sepatutnya 9 peratus?

Minggu lalu, badan pemikir kerajaan - Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian (PEMANDU) mendedahkan program pelaburan bernilai RM1.376 trilion untuk 10 tahun akan datang yang jumlahnya tiga kali ganda pendapatan per kapita negara yang mampu memacu Malaysia ke status negara maju menjelang 2020.

Lebih 60 peratus pelaburan akan datang dari sektor swasta, 32 peratus daripada syarikat berkaitan kerajaan dan 8 peratus lagi daripada kerajaan.

Dalam membuat pengumuman itu, Ketua Pegawai Eksekutif (PEMANDU) Datuk Seri Idris Jala berkata pertumbuhan negara mesti mencapai sekurang-kurangnya 6 peratus setahun bagi menjadikan sasaran itu satu kenyataan.

Namun, hari ini, seorang ahli parlimen pembangkang mempertikaikan sasaran pertumbuhan PEMANDU itu.

Menurut ahli parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar, Malaysia memerlukan pertumbuhan yang 'tidak realistik' pada kadar 9 peratus untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Ia diumumkan kepada orang ramai bahawa Program Transformasi Ekonomi (ETP) akan hanya memperuntukkan 74 peratus, atau RM 1.258 trilion, daripada anggaran RM 1.7 trilion Pendapatan Negara Kasar (GNI) negara ini pada 2020 berbanding RM660 bilion GNI bagi 2010, yang memerlukan pertumbuhan tahunan 6 peratus."

Nurul berhujah Malaysia pada realitinya memerlukan unjuran pertumbuhan purata 9 peratus bagi mencapai sasaran RM1.7 trilion pada 2020.

Katanya, ucapan yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk seri Najib Razak tahun lalu bahawa Malaysia mensasarkan pertumbuhan 9 peratus bagi dekad yang seterusnya.

Najib kemudiannya terpaksa membetulkan kenyataannya itu: "Saya tidak berkata sembilan peratus, saya kata sekitar enam peratus kerana sembilan adalah tidak realistik," katanya kepada wartawan.

Sehubungan itu, Nurul mendakwa kerajaan membekalkan unjuran pertumbuhan yang mengelirukan rakyat.

"Saya gesa kerajaan perjelaskan isu ini dan umumkan sama ada Malaysia memerlukan pertumbuhan tahunan sebanyak 9 peratus untuk mencapai sasaran RM 1.7 trilion GNI pada 2020?"

"Bagaimana ini boleh dicapai jika ekonomi dunia dan daya saing kita pada masa yang sama pula menjunam. Bagaimana ini mencerminkan kelangsungan ETP yang baru diumumkan itu?"

Kata Nurul lagi, rakyat dan pelabur mesti yakin dengan data rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan dan sebarang manipulasi akan dilihat sebagai "curang, memesong dan tindakan yang tidak dapat diterima".

"Rakyat berhak untuk tahu, khususnya menjelang pembentangan bajet di Parlimen pada Oktober ini agar rakyat tidak dipesongkan kerana ia akan membawa impak negatif bukan sahaja terhadap keyakinan orang ramai tetapi juga masyarakat antarabangsa berhubung integriti data."

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/143526>